

**13 November 2024**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.**

**LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.** telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.** Penilaian akan dilaksanakan ke atas **6** ladang dan **1** kilang yang diuruskan oleh **LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.**

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.** pada 15-19.11.2024. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3-2:2022 'General Principles for Oil Palm Plantation (more than 500 hectares)' & MS 2530-4-1:2022 'General Principle for Palm Oil Mill including Supply Chain Requirements'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2:2022 & MS 2530-4-1:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Ladang Hulu Paka	Lot 1982, Bangunan Koperasi 3K, Bandar Al-Muktafi Billah Shah, 23400 Dungun, Terengganu, Malaysia	3707.50	E 103°22.5636" N 4°39'51.3720"
Ladang Lubuk Lesung	Lot 5638, K-3, Tingkat Bawah, Seri Bandi, 24000 Kemaman, Terengganu, Malaysia.	809.7	E 105°1337.6' N 4°205.8'
Ladang Sungai Pinang	KM 155, Jalan Jerangau- Jabor, Bandar Ceneh Baru, 24000 Kemaman, Terengganu, Malaysia.	2381.59	E 103°15'13.87" N 4°8'10.20"
Ladang Lembah Bidong	KM 35, Jalan Merang Lembah Bidong, 21010 Setiu, Terengganu, Malaysia.	2954.00	E 102°58'00" N 5°27'32"
Ladang Bukit Bandi	KM 3, Jalan Cerul, Bandar Ceneh Baru, 24000 Kemaman, Terengganu, Malaysia.	2459.30	E 103°12'13.51" N 4°8'17.40"
Ladang Paloh Jenang	KM151, Jalan Jerangau-Jabor, Air Putih, 24050 Kemaman, Terengganu, Malaysia.	2249.876	E 103°13'26.20" N 4°10'15.30"

Kilang Sawit	Alamat	Kapasiti Kilang (MT/HR)	Rujukan GPS
Kilang Sawit Bukit Bandi	Kilang Sawit Bukit Bandi, KM 3, Jalan Cerul, Bandar Ceneh Baru, 24000 Kemaman, Terengganu, Malaysia.	55	E 103°13'7" N 4°8'23"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **LADANG RAKYAT TRENGGANU SDN. BHD.** terdiri daripada:

- i) En. Azmi bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Ermadasila bin Mohamad sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Mohd Rizal bin Md Kassim sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Mohd Johari bin Md Kassim sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 16.12.2024  
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari  
Lokasi : Ladang Hulu Paka, Lot 1982, Bangunan Koperasi 3K, Bandar Al-Muktafi  
Billah Shah, 23400 Dungun, Terengganu, Malaysia

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.*

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	

E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Atika Binti Bakar  
Trans Certification & Inspection Sdn.  
Bhd.  
No. B30, Tingkat 1,  
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan Pahang  
Tel: +609-5751333.  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.